



JABATAN PERDANA MENTERI
AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA

KENYATAAN MEDIA

NADMA SELARASKAN OPERASI PEMBENIHAN AWAN TAMBAHAN DI KAWASAN SELATAN SEMENANJUNG

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sekali lagi menyelaras pelaksanaan Operasi Pembenhian Awan (OPA) yang memberi fokus kepada kawasan selatan semenanjung. Sebanyak empat (4) siri operasi akan dilaksanakan bermula hari ini sehingga 23 April 2026. Pelaksanaan pembenhian awan di Negeri Melaka dan Johor pada kali ini adalah selaras dengan saranan YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP), agar siri operasi tambahan diaturkan susulan pelaksanaan terdahulu pada 11 dan 12 Februari serta 9 April 2026.

Cuaca panas dan kering di beberapa kawasan di Negeri Melaka dan Johor telah memberi kesan kepada kehidupan harian penduduk terutamanya dari aspek kelangsungan perkhidmatan bekalan air, pertanian, pekebun kecil serta keselamatan.

YB Datuk Haji Rais Datuk Wira Yasin, Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim Dan Pengurusan Bencana Negeri Melaka turut menyertai dan menyaksikan pelaksanaan OPA hari ini. OPA kali ini memberi tumpuan kepada lapan (8) buah empangan dan dua (2) Loji Rawatan Air (LRA) di negeri Melaka dan Johor bagi menjamin kelangsungan bekalan air kepada penduduk. Tumpuan utama di Melaka termasuklah Empangan Durian Tunggal, Empangan Jus dan Empangan Asahan; manakala di Johor melibatkan Empangan Upper Layang, Empangan Machap, Empangan Seluyut, Empangan Lebam, Empangan Linggiu, Loji Rawatan Air Lokheng dan Logi Rawatan Air Gembut. Kesenambungan operasi ini adalah sangat perlu memandangkan paras simpanan air di kawasan empangan ini masih berada pada tahap waspada.

NADMA telah mendapatkan nasihat teknikal daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) berhubung kesesuaian ciri-ciri atmosfera sebelum pelaksanaan OPA. Penilaian terhadap kesesuaian keadaan atmosfera ini amat penting bagi memastikan keberkesanan aktiviti penyemburan larutan garam (natrium klorida) ke dalam awan, khususnya dalam merangsang pembentukan awan hujan. Pesawat C130 Hercules milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) akan digunakan sepanjang operasi dijalankan.

Intervensi pembenihan awan ini amat diperlukan sebagai salah satu langkah proaktif bagi mengelakkan krisis bekalan air mencapai tahap kritikal menjelang awal Mei 2026. Ini sekaligus dapat memastikan kestabilan bekalan air untuk rakyat Negeri Melaka dan Johor kekal terjamin.

-TAMAT-

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI
20 April 2026